

LAPORAN AKTIVITI

UTM SUMMER SCHOOL – BUILT ENVIRONMENT EXPERIENCES 2018

-Universitas Sebelas Maret (UNS), Indonesia

JOHOR BAHRU, 26 Oktober 2018 – Seramai 21 orang peserta dari Universitas Sebelas Maret (UNS), Surakarta, Indonesia (18 pelajar dan 3 orang pensyarah pengiring) telah menyertai program *UTM Summer School – Built Environment Experiences 2018* yang berlangsung dari 21 hingga 26 Oktober 2018 lalu. Program *UTM Summer School* anjuran Perancangan Bandar dan Wilayah (PBW), Fakulti Alam Bina dan Ukur UTM (FABU) merupakan penyertaan kali ke-2 oleh pihak UNS. Penyertaan pihak UNS kali ini telah disambut sendiri oleh Pengarah Program PBW, Prof. Madya TPr. Dr. Hairul Nizam Ismail mewakili Dekan FABU.

Matlamat utama program ini adalah untuk memperkenalkan dan berkongsi pengalaman kepada para peserta berkaitan konsep '*Sustainable Creative City*' yang diterapkan khususnya di sekitar pembangunan wilayah Iskandar Malaysia, Bandaraya Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Para hari pertama, peserta telah berpeluang mendengar perkongsian kuliah di Dewan Konvesyen, FABU melibatkan pakar rujuk UTM dan UNS. Turut serta para pelajar dari Tahun 1 Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah UTM (SMPBW). Ahli panel jemputan UTM yang terlibat adalah Pensyarah Kanan PBW iaitu En. Chau Loon Wai dan Prof. Madya TPr. Dr. Foziah Johar manakala pihak UNS diwakili oleh Dr. Winny Astuti dan Dr. Muhammad Hisjam. Para peserta kemudian turut dibawa melawat kemudahan dan pusat penyelidikan yang terdapat di sekitar Fakulti oleh Persatuan Mahasiswa Perancangan Bandar dan Wilayah UTM (PEWIBAWA).

Pada hari kedua, sempena lawatan peserta ke Pusat Bandaraya Johor Bahru, sebuah sesi taklimat diaturkan bersama pihak Thinkcity Sdn. Bhd. (Johor Bahru) di pejabat mereka. Pihak Thinkcity yang banyak terlibat dalam projek pemeliharaan bangunan warisan dan rejuvenasi ruang awam di sekitar pusat bandar turut membawa peserta menyelusuri jejak warisan di sekitar pusat bandar. Turut serta, Pengarah Program UTM Summer School, Dr. Noor Aimran Samsudin yang turut berkongsi sejarah perkembangan bandar tersebut di lapangan. Selain itu, pihak Yayasan Warisan Johor (YWJ) turut berbesar hati menerima kunjungan delegasi ke Kompleks YWJ yang menempatkan pelbagai koleksi seni warisan, sejarah dan budaya Johor. Taklimat telah disampaikan sendiri oleh Ketua Unit Korporat, Tuan Haji Shafie Ahmad kepada delegasi UNS dan UTM. Para peserta telah berpeluang melawat Galeri Tenun dan Galeri Seni melihat koleksi yang dipamerkan.

Pada hari berikutnya, para peserta telah dibawa melihat kemodenan pusat pentadbiran Negeri Johor iaitu Kota Iskandar dan pembangunan sekitar Iskandar Puteri seperti Puteri Harbour, Medini dan Taman Tema Legoland. Sebelum peserta menikmati jamuan makan malam di sebuah restoran nelayan di Kampung Pendas, Gelang Patah, mereka telah dibawa melawat projek mega Forest City yang dibangunkan oleh Country Garden Pacificview. Taklimat telah disampaikan sendiri oleh Encik Ahmad Faizul Noor Azizan, *Senior Strategic Executive*.

Lawatan di sekitar Kuala Lumpur, peserta telah berpeluang melawat kawasan bersejarah Masjid Jamek, Dataran Merdeka, KL City Gallery dan Pasar Seni selain ke pusat membeli belah utama iaitu Bukit Bintang dan Menara Berkembar Petronas. Secara umum penyertaan program kali ini telah memberi peluang kepada peserta melihat pembangunan Malaysia dari pelbagai perspektif dengan melawat pelbagai bandar di negara ini.

Hari Pertama, Isnin (22 Oktober 2018) : Sesi kuliah dan lawatan sekitar FABU UTM



Rajah 1: Talimat dan perkongsian kuliah bersama pihak UTM dan UNS.

Hari ke-2, Selasa (23 Oktober 2018) : Lawatan ke sekitar Pusat Bandaraya Johor Bahru



Rajah 2: Menyelusuri Jejak Warisan JB



Rajah 3: Taklimat dan jejak warisan bersama Think City Sdn. Bhd. (JB) di sekitar Bandaraya Johor Bahru.



Rajah 4: Lawatan dan taklimat ke Kompleks Yayasan Warisan Johor (YWJ)

Hari ke-3, Rabu (24 Oktober 2018) : Lawatan ke Kota Iskandar & Forest City



Rajah 5: Sekitar lawatan ke Kota Iskandar, Iskandar Puteri dan Forest City. Jamuan makan malam di adakan di sebuah restoran nelayan Kampung Pendas.

Hari ke-4, Khamis (25 Oktober 2018) : Lawatan ke sekitar Kuala Lumpur



Rajah 6: Melawat di sekitar kawasan Masjid Jamek, Dataran Merdeka dan KLCC

ATURCARA PROGRAM

UTM SUMMER SCHOOL – BUILT ENVIRONMENT EXPERIENCES 2018

Hari Pertama Ketibaan & Pendaftaran

Ahad, 21 Oktober 2018

- 15:00 Jangka tiba di KLIA 1
- 15:30 Bertolak ke UTM JB
- 20:00 Tiba di Scholar's Inn UTM
Daftar masuk ke Scholar's Inn UTM & pendaftaran/
Rehat & aktiviti bebas

Hari Ke-2: Sekitar UTM

Isnin, 22 Oktober 2018

- 08:00 Bertolak ke Fakulti Alam Bina dan Ukur UTM
- 08:30 Ucapan alu-aluan oleh Prof. Madya TPr. Dr. Hairul Nizam Ismail, Pengarah Program JPBW
- 09:00 Slot 1 – En. Chau Loon Wai, UTM
- 10:00 Slot 2 – Winny Astuti, UNS
- 11:00 Slot 3 – Prof. Madya TPr. Dr. Foziah Johar, UTM
- 12:00 Slot 4 – Dr. Paramita Rahayu, UNS
- 13:00 Makan tengahari di Arked Meranti (Sendiri)
- 14:30 Perjumpaan ringkas dengan Dekan
Bergambar kenang-kenangan di FAB
- 15:00 Lawatan ke kemudahan makmal/Galeri FABU/ Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM) / CiPD
- 17:00 Aktiviti riadah/ Berbasikal sekitar kampus/ Balai Cerap UTM
Rehat & aktiviti bebas

Hari Ke-3: Johor Bahru

Selasa, 23 Oktober 2018

- 08:00 Sarapan pagi di Scholar's Inn UTM
- 09:00 Bertolak ke Pusat Bandaraya JB
- 10:00 Taklimat oleh Think City JB (Projek *Rehabilitation* Sungai Segget, JB)
Lawatan sekitar Pusat Bandaraya JB (Jejak Warisan)
- 12:00 Makan tengahari di sekitar Pusat Bandaraya (Sendiri)
- 13:00 Melawat ke Masjid Negeri Sultan Abu Bakar, JB
- 14:00 Melawat Yayasan Warisan Johor
Taklimat oleh Bahagian Pemuziuman Yayasan Warisan Johor
- 17:00 Bertolak pulang ke Scholar's Inn UTM
Rehat & aktiviti bebas

Hari Ke-4: Kota Iskandar

Rabu, 24 Oktober 2018

- 09:00 Sarapan pagi di Scholar's Inn UTM
- 10:00 Bertolak ke Iskandar Puteri & Kota Iskandar
- 11:00 Melawat Puteri Harbour & *sightseeing* sekitar Medini - LEGOLAND
- 12:00 Rehat & Makan tengahari di Medini Mall (Sendiri)
- 14:00 Bertolak melawat pembangunan di sekitar Forest City
- 16:00 Melawat ke Kampung Pendas, Tanjung Kupang
- 18:00 Jamuan makan malam / Majlis penutup (Disediakan)
- 20:00 Bertolak pulang
Rehat & aktiviti bebas

Hari Ke-5: Kuala Lumpur

Khamis, 25 Oktober 2018

- 08:00 Sarapan pagi di Scholar's Inn UTM
- 09:00 Bertolak ke Kuala Lumpur
- 13:00 Daftar masuk ke Citin Hotel Masjid Jamek
Makan tengahari (Sendiri)
- 14:00 Melawat Dataran Merdeka – KL City Gallery
- 16:00 Melawat Masjid Jamek – River of Life
- 17:00 Melawat Pasar Seni – Bukit Bintang (via MRT)
- 18:00 Melawat KLCC (via DBKL Pedestrian Sky bridge)
Rehat & aktiviti bebas

Hari Ke-6: Bertolak pulang ke Indonesia

Jumaat, 26 Oktober 2018

- 08:00 Daftar keluar dari Citin Hotel Masjid Jamek
Bertolak ke KLIA1
- 09:00 Jangka tiba di KLIA1
Program tamat

RINGKASAN PROGRAM
UTM SUMMER SCHOOL – BUILT ENVIRONMENT EXPERIENCES 2018

Nama program:

UTM Summer School – Built Environment Experiences 2018

Peserta:

Universiti Sebelas Maret (UNS), Surakarta, Indonesia (21 orang).

Jadual 1: Jumlah peserta mengikut institusi pengajian

INSTITUSI	UTM	UNS	JUMLAH
Pelajar	24	18	42
Pensyarah	1	3	4
JUMLAH	25	21	46

Jadual 2: Jumlah peserta mengikut jantina

INSTITUSI	UTM	UNS	JUMLAH
Lelaki	11	7	18
Perempuan	14	14	28
JUMLAH	25	21	46

Siri penganjuran untuk NUCE:

Ke-2 (2018)

Tarikh Program:

21 - 26 Februari (6 hari)

Tempat:

1. Fakulti Alam Bina dan Ukur UTM
2. Johor Bahru
3. Kuala Lumpur

Format program:

Kuliah dan Lawatan Tapak

Ahli jawatankuasa pelaksana:

Penasihat program : **Prof. Madya TPr. Dr. Hairul Nizam Ismail**
Pengarah Program PBW
Pengarah/ Koordinator program : **Dr. Noor Aimran Samsudin**
Pensyarah Kanan PBW
Fasilitator : **Muhammad Nur Syollehin Abdul Rahim**
Pelajar Sarjana PBW

Yuran penyertaan:

RM1000.00/ orang (Pelajar UNS)
RM600.00/ orang (Pensyarah UNS)

Jumlah kutipan dari yuran UNS:

RM19,634.14

Jumlah keseluruhan kos program:

RM 12,482.60

Jumlah pendapatan bersih:

RM 7,151.54